1 Mengapakah objektif sesebuah organisasi mesti selaras dengan visi dan misi?

A Objektif dibentuk setelah ditetapkan visi dan misi

B Objektif pendokong kepada pencapaian visi dan misi

C Pencapaian visi dan misi bergantung pada pencapaian objektif

D Objektif dijadikan sebagai penjelasan lanjut tentang visi dan misi

2 Muhamad menerangkan kualiti sabun yang dihasilkan oleh syarikatnya kepada pelanggan supaya pelanggan meyakini dan membuat keputusan membeli produk tersebut.
Apakah alasan anda yang menyatakan tindakan Muhamad boleh menyumbangkan kepada pencapaian objektif syarikatnya?

A Sabun yang berkualiti tinggi boleh meningkat imej syarikat

B Sabun merupakan produk yang dihasilkan oleh perniagaan

C Jualan sabun boleh meningkatkan pendapatan syarikat

D Kejayaan Muhamad mempengaruhi pelanggan membuat keputusan membeli sabun

3 Syarikat Batik Ehsan Terengganu mensasarkan pengeluaran batik sebanyak 5,000 helai dalam tempoh masa seminggu sebagai memenuhi permintaan pelanggan dalam dan luar negara.

Nyatakan ciri-ciri SMART dalam penetapan objektif syarikat Batik Ehsan Terengganu.

A Spesifik

B Munasabah

C Jangka masa

D Boleh dicapai

LIVEWORKSHEETS

4 Apakah yang dimaksudkan dengan ciri objektif *boleh dicapai*?

A Mengeluarkan produk dengan kemampuan mesin sedia ada

B Meramalkan kuantiti produk yang diminta oleh pelanggan

C Selaraskan kemampuan pengeluaran dengan kuantiti permintaan

D Bilangan pekerja yang mencukupi untuk mengeluarkan jumlah produk yang telah ditetapkan oleh perniagaan

5 "Pencapaian objektif jangka pendek dalam tempoh kurang daripada setahun manakala pencapaian objektif jangka panjang dicapai dalam tempoh melebihi satu tahun". Nyatakan dimensi perbezaan antara objektif jangka pendek dengan objektif jangka panjang berdasarkan penyataan di atas

A Tahun

B Sasaran

C Jenis objektif

D Tempoh masa

6 Objektif The Atlas Corporation ialah "Meningkatkan simpanan emas sebanyak 1,500,000 aun". Penyataan objektif di atas mempunyai ciri SMART, iaitu:

A Spesifik

B Munasabah

C Boleh diukur

D Boleh dicapai

LIVEWORKSHEETS

Perniagaan Pasti Untung Sdn Bhd telah menetapkan objektif seperti berikut.

- ***Menubuhkan seberapa banyak cawangan yang mampu di seluruh negara***
- ***Mencapai keuntungan sekurang-kurangnya RM3 juta***
- ***Produk pengeluaran akan menjadi produk kesukaan penduduk Malaysia***

(a) Berikan dua kelemahan perniagaan Pasti Untung Sdn Bhd dalam penetapan objektif perniagaannya. [2 markah]

(b) Kegagalan mencapai objektif perniagaannya telah memberikan kesan kepada keseluruhan Perniagaan PastiUntung. Apakah kesan tersebut? [4 markah]

(c) Apakah tindakan yang wajar diambil oleh pihak pengurusan perniagaan Pasti Untung Sdn Bhd untuk menangani kegagalan tersebut? [4 markah]

LIVEWORKSHEETS